

Pelajar USIM kembara di bumi 'Sakura'

SEREMBAN 18 Feb. - Program khas pengantarabangsaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) membuka ruang kepada mahasiswa menyalurkan khidmat kepada komuniti Muslim di Jepun baru-baru ini melalui program Global Islamic Student Outreach (GISO).

Menurut Felo Kolej Kediaman 1 USIM, **Ahmad Faiz Aziz**, Program GISO kali ini lebih menarik kerana pelajar didedahkan dengan budaya masyarakat Jepun yang amat komited dalam setiap perkara dilakukan mereka.

"Program ini berlangsung selama seminggu pada hujung Januari lalu melibatkan 16 pelajar dalam misi dan jelajah yang dinamakan sebagai 'Jaulah Mahabbah ke Bumi Sakura'," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Tambahnya, pelbagai pengisian diatur bersama masyarakat minoriti Islam di negara Jepun itu dan antaranya adalah diskusi dakwah, pertukaran budaya, kelas qasidah, aktiviti bersama anak-anak mereka, perkongsian ilmu serta aktiviti silaturrahim di setiap masjid yang dikunjungi seperti Masjid Tokyo (Camii) dan Masjid Otsuka.

"Dalam satu kunjungan ke sebuah tadika Islam yang terletak di Bandar Otsuka yang dinamakan Islamiyyah Kindergarten School, pelajar diberi peluang oleh guru tadika untuk turut sama dalam aktiviti pengajaran pendidikan Islam bersama kanak-kanak



SALAH seorang peserta GISO mengambil peluang mengajar kanak-kanak di Islamiyyah Kindergarten School di Otsuka, Jepun, baru-baru ini.

di situ menggunakan *flash-card*.

"Tadika itu dibina sejak lapan tahun yang lalu hasil inisiatif komuniti Islam di sana menempatkan kira-kira 20 orang pelajar yang terdiri daripada anak-anak masyarakat Jepun dan sebahagian kecil

anak-anak rakyat Malaysia, Pakistan dan Indonesia," katanya.

Sementara itu pengarah program, **Siti Raudhah Mohd. Azmin** berkata, kunjungan mereka ke Jepun turut menarik perhatian Stesen Fuji TV.

"Ini merupakan sebuah stesen

televisyen terkemuka di Jepun dan mereka mempelawa pelajar untuk menjayakan rakaman program khas untuk tayangan di Fuji TV berkenaan kehidupan sebagai seorang Muslim.

"Rakaman berlangsung di peka-

rangan Masjid Camii yang terletak di wilayah Shibuya," katanya.

Beliau berkata, setiap lawatan ke negara minoriti Islam pasti ada cabaran terutamanya melibatkan makanan halal.

"Antara yang paling diingati adalah ketika kami melawat Pulau Odaiba yang terkenal dengan nama Aquacity, kami tidak menjumpai restoran yang menyediakan makanan halal.

"Mujurlah ada dalam kalangan pelajar membawa bekalan makanan dari Malaysia seperti serunding, sambal belacan dan beberapa pek hidangan segera. Makanan ini kami kongsi beramai-ramai sebagai alas perut," katanya.

Dalam masa yang sama juga katanya, pelajar dapat berkenalan dengan masyarakat bukan Islam di Jepun yang amat mencintai nilai-nilai Islam sepanjang program dakwah di sana.

"Salah seorang ialah penyelidik bagi Organisasi Pengajian Islam di Waseda University, Okai Hirofumi. Beliau amat tertarik dengan Islam dan menjadikan Malaysia sebagai subjek bagi kajiannya," kata Siti Raudhah.

Program GISO 'Jaulah Mahabbah ke Bumi Sakura' ini turut mendapat sokongan Kerajaan Negeri Sembilan, Tourism Malaysia Negeri Sembilan dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Negeri Melaka.